

Usaha pemuliharaan terancang perlu bagi selamatkan khazanah warisan bangsa



Kami berharap cadangan Badan Warisan

mendapat persetujuan pihak berkenaan kerana bangunan masjid ini tidak boleh diselenggara sesuka hati bagi mengelakkan keaslian seni binanya terjejas"

Syed Omar Iddid Syed Abdullah Iddid
Yang Dipertua Badan Warisan



Masjid Melayu Lebuh Aceh

Oleh Adli Shahar
adli@bharian.com.my

SEBAGAI salah satu struktur bangunan paling lama yang pernah dibina di Pulau Pinang, warisan sejarah dan nilai seni bina unggul Masjid Melayu Lebuh Aceh, Lebuh Aceh, Georgetown, kini semakin diancam arus pembangunan yang terlalu pesat di sekitarnya.

Walaupun kerja pemuliharaan pernah dilakukan pada 1995 dan Georgetown kini diiktiraf sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), namun sejarah panjang masjid berkenaan serta kawasan sekitarnya kurang diketahui.

Kebimbangan mengenai kurangnya maklumat di kalangan orang ramai mengenai sejarah masjid

B/H 29/6/2011 Ms 14.

berkenaan turut disuarakan Yang Dipertua Badan Warisan Masjid Melayu Lebuh Aceh (Badan Warisan), Syed Omar Iddid Syed Abdullah Iddid yang menganggap ia akan dilupakan suatu hari nanti jika tiada usaha pemuliharaan dilakukan.

Masjid Melayu Lebuh Aceh dibuka pada 1786 oleh seorang kerabat diraja dari Aceh, Tengku Syed Hussain Al-Aidid di atas kawasan seluas 66,000 kaki persegi, turut

menempatkan perkampungan, deretan rumah kedai, Madrasah al-Quran dan pejabat perdagangan.

Pembukaan kawasan itu secara tidak langsung mewujudkan sebuah pusat pengajian agama Islam dan perdagangan antara-bangsa terawal di Pulau Pinang, dengan penduduk serta masyarakat yang tinggal di sekitarnya berkembang pesat kerana kedatangannya ramai pedagang dari negeri di Tanah Melayu, Arab dan India.